



# ***JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA***

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

| <b>Rabu, 3 Ogos 2022</b> |                                                |
|--------------------------|------------------------------------------------|
| 1                        | Ayam murah tidak laku di terengganu            |
| 2                        | 27 kaki judi laga ayam lari masuk semak        |
| 3                        | Harga ayam kembali turun, bekalan makin stabil |

DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



AHMAD memotong ayam jualannya di Pasar Teluk Ketapang, Kuala Nerus semalam.

Pembeli banyak pilihan membeli ayam murah

## Ayam murah tidak laku di Terengganu

Oleh TENGKU DANISH BAHRI  
TENGKU YUSOFF

**KUALA NERUS** – Walaupun harga ayam mentah di Terengganu turun ke paras terendah dalam tempoh lebih setahun, sambutan pembeli terhadap bahan mentah itu dingin menyebabkan ia tidak laku di pasaran.

Rata-ratanya peniaga ayam ditemui di daerah ini dan Kuala Terengganu memberitahu, jualan mereka menurun sehingga 40 peratus walaupun harga sudah diturunkan sehingga RM7.30 sekilogram berbanding harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40.

Salah seorang peniaga, Ahmad

Ibni Hasan, 38, berkata, secara purata hanya 100 ekor ayam terjual setiap hari berbanding 180 ekor sebelum ini.

"Pelanggan semakin kurang mungkin sebab mereka mempunyai banyak pilihan membeli ayam dengan harga murah.

"Saya menjual ayam mentah pada harga RM7.50 sekilogram iaitu paling rendah sejak tahun 2021. Sebelum ini ia berharga RM11.50 sebelum semakin turun RM3.50 sekilogram pada minggu lalu," katanya di Pasar Teluk Ketapang di sini semalam.

Tinjauan Kosmo! di beberapa pasar di daerah ini dan Kuala Terengganu mendapati ayam mentah dijual pada harga antara

RM7.30 dan RM7.50 sekilogram.

Ahmad memberitahu, trend lambakan ayam setiap kali selepas musim perayaan adalah normal.

Seorang lagi peniaga ayam, Abdullah Endot, 55, berkata, penurunan harga dedak punca harga ayam semakin murah di peringkat pembekal dan ladang.

"Pembekal kata harga makanan ayam turun RM1. Harga sudah murah di semua peringkat, namun pembeli pula makin berkurang.

"Jika sebelum ini saya mampu menjual sehingga 200 ekor ayam sehari, namun hari ini, kurang 100 ekor sehingga memaksa menyimpan lebih ayam untuk dijual esok," katanya.





ANTARA ayam laga yang digunakan untuk tujuan perjudian.

**Melaka:** Sekumpulan 27 lelaki 'tahi judi' bertempiran lari ke dalam semak sebaik menyedari markas laga ayam di Taman Seri Duyong Seksyen 2, diserbu polis.

Dalam serbuan jam 1.45 pagi semalam, sepasukan pegawai dan anggota Cawangan Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7), Jabatan Siasatan Jenayah Melaka menyerbu lokasi di belakang rumah itu yang dijadikan gelanggang judi sabung ayam.

Difahamkan semua sus-

## 27 kaki judi laga ayam lari masuk semak

pek berusia 35 hingga 56 tahun yang leka bertaruh bertindak meninggalkan wang pertaruhan dan ayam sebelum bersembunyi di semak berhampiran.

Ketua Polis Melaka Datuk Zainol Samah berkata, bagaimana helah semua 'tahi judi' terbabit tidak menjadi berikutan markas sabung

ayam mingguan itu sudah dikepung polis.

Menurutnya, 27 individu ditahan mengaku terbabit kegiatan perjudian laga ayam yang berlangsung setiap malam minggu.

"Semua mereka direman tiga hari bermula untuk membantu siasatan kes mengikut Seksyen 7(2) Akta Ru-

mah Judi Terbuka 1953 dan Seksyen 3 (1) Langkah-Langkah Pencegahan Penganiayaan Terhadap Binatang 1962," katanya.

Menurut Zainol, dalam serbuan itu pihaknya turut menyita barangan antaranya gelanggang getah, enam ayam jantan hidup, tiga sangkar dan kotak tempat simpan ayam, dua jam, enam unit taji ayam tiruan, tiga lampu dan masing-masing satu lampu, kerusi dan bangkai ayam jantan.



# Harga ayam kembali turun, bekalan makin stabil

**Kuala Lumpur:** Harga ayam di beberapa negeri kembali turun sehingga paras bawah harga siling RM9.40 yang ditetapkan kerajaan pada 1 Julai lalu, dengan bekalan di pasaran juga semakin stabil.

Di Kedah sebagai contoh, harga ayam di Pasar Besar Alor Setar turun sehingga RM7.10 sekilogram selepas bekalan bahan mentah itu dikatakan meningkat disebabkan lebihan pada peringkat pembekal sejak bulan lalu lagi.

Peniaga, Muhammad Zuhari Mohd Zahir, 29, berkata harga sekilogram ayam turun kepada RM8.40 pada pertengahan Julai dan terus menurun kepada RM7.60 pada hujung bulan lalu.

"Bermula minggu ini, harga ayam turun lagi kepada RM7.10 sekilogram. Sejak bulan lalu juga, kami boleh tempah seberapa banyak stok ayam, tidak seperti sebelum ini yang mana tempahan kami selalu dipotong," katanya.

Muhammad Zuhari berkata, setiap hari dia menempah antara 1,500 hingga 1,700 ekor ayam dan mempunyai pelanggan tetap terdiri pengusaha kantin serta peniaga restoran sekitar bandar

raya Alor Setar.

"Stok ayam diterima pula ada berbagai saiz, ada yang besar dan ada yang kecil. Ikut pelanggan mahu yang mana, kita memang tidak ada masalah dalam mendapat bekalan ketika ini," katanya yang mengakui harga RM7.10 itu paling rendah dirasakan dalam tahun ini.

## Saiz ayam lebih kecil

Di Johor Bahru pula, tinjauan di Pasar Basah Pandan mendapati harga ayam segar turun kepada RM7.99 sekilogram, berbanding RM9.40 sekilogram lebih seminggu lalu.

Bagaimanapun, saiz ayam yang dijual lebih kecil berbanding tinjauan dilakukan kira-kira dua minggu lalu.

Peniaga ayam, Malik Maulana, 23, berkata penurunan harga ayam sejak dua hari lalu berikutan harga diterima daripada pembekal juga lebih murah berbanding sebelum ini.

Di Kuala Terengganu, tinjauan di pasar borong Kampung Gong Pauh dan beberapa gerai mendapati ayam segar dijual lebih murah antara RM5.99 dan RM7.40 sen sekilogram.

Peniaga, Zulkifli Ariffin, 40,



Tinjauan BH mendapati harga ayam segar turun di Pasar Basah Pandan, Johor Bahru, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

dari Kampung Durian Burong, di sini, berkata harga ayam menurun disebabkan bekalan melebihi had, susulan tindakan kerajaan menghentikan eksport bekalan ke Singapura.

## Dijual lebih mahal

Berbeza di Kuching apabila harga ayam di bandar raya ini dijual lebih mahal berbanding bulan lalu, dengan tinjauan di beberapa pasar raya sekitar bandar itu

mendapati ayam standard dijual pada harga antara RM10.50 hingga RM10.80 sekilogram.

Peniaga yang ditemui berkata, harga ayam sudah ditetapkan RM9.80 hingga RM12.90 sekilogram di Sarawak untuk tempoh 1 Julai lalu hingga 31 Ogos ini seperti ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang dikeluarkan Jun lalu.

Sementara itu, rujukan kepada senarai dikeluarkan KPDNHEP pada penghujung Jun mendapati harga runcit ayam standard untuk tempoh 62 hari mulai 1 Julai hingga 31 Ogos di Kuching, Lundu, Bau, Serian, Simunjan, Samarahan, Asajaya, Sibul, Kanowit, Selangau, Miri, Marudi, Bintulu, Tatau, Sebauh, Sarikei, Julau, Pakan, Meraudong, Mukah, Dalat, Matu dan Daro ditetapkan pada RM9.80 sekilogram.

Di Sri Aman, Saratok, Betong dan Lubok Antu pula, harga siling ialah RM10.50 sekilogram, manakala bagi Kapit, Bukit Mabong, Song dan Belaga, harga sekilogram ialah RM11.40 dan di Limbang serta Lawas ditetapkan RM12.90 sekilogram.